

BUKU PANDUAN

PERLANTIKAN EJEN EEYL

ISI KANDUNGAN

1 Pengenalan	2
2 Takrif	3
3 Pendaftaran Sebagai Ejen	4
4 Jenis-Jenis Status dan Kelayakan Ejen	4
5 Insentif dan Kadar Bayaran Komisen	5
6 Tugas dan Aturan Perkhidmatan yang Dibenarkan Sebagai Ejen EEYL	6-9
7 Tanggungjawab Ejen	9-10
8 Tanggungjawab pihak EEYL	10
9 Kod Etika dan Tatacara Ejen EEYL	10-11
10 Akhlak Ejen EEYL	11
11 Bentuk Salah Laku Ejen	11-12
12 Kegagalan Mematuhi Buku Panduan atau Polisi/Terma yang Ditetapkan Oleh EEYL	12
13 Prosedur Notis Ketidakpatuhan dan Penamatan Ejen	12-13
14 Polisi Privasi dan Perlindungan Data Peribadi	13-15
15 Kewajipan Kerahsiaan	16

1) PENGENALAN

EMPAYAR EMAS YL SDN. BHD. (No. Syarikat: 202301001322 (1495241-V)), sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah **Akta Syarikat 2016** yang beralamat di Wisma Haji Ghani, Empayar Emas YL Sdn Bhd, Lot 20 & 21, Kedai Tingkat Bawah, Lorong Jelutong 1/1, Taman Jelutong, 06010 Changloon, Kedah (“**EEYL**”).

EEYL adalah sebuah syarikat yang terlibat dalam pembelian semua jenis gred emas tulen, termasuk dinar, dirham dan jongkong emas. **EEYL** juga mempunyai kepakaran dalam menilai, menebus, dan menguruskan transaksi yang melibatkan emas tulen, dengan komitmen untuk menawarkan perkhidmatan yang patuh Syariah serta memenuhi standard kualiti dan ketulenan emas yang tinggi.

Ejen iaitu orang perseorangan/berdaftar di bawah syarikat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang jual beli emas serta mempunyai keupayaan untuk menjalankan tugas sebagai wakil kepada **EEYL** dalam urusan pembelian balik emas (“**Ejen**”). Ejen juga telah diakui dan disahkan oleh Pihak **EEYL** sebagai memenuhi syarat-syarat yang diperlukan, termasuklah kepatuhan kepada semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan, serta berkomitmen untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai wakil dengan penuh integriti dan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Buku Panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan komprehensif kepada semua Ejen yang dilantik oleh **EEYL**, bagi memastikan pemahaman yang jelas tentang peranan, tanggungjawab, dan hak mereka dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan. Segala ketetapan yang dinyatakan dalam Buku Panduan ini mengikat di sisi undang-undang dan terpakai kepada semua perjanjian yang akan ditandatangani antara Ejen dan **EEYL**.

Buku Panduan ini akan menjadi rujukan utama yang memudahkan pelaksanaan tugas sebagai Ejen **EEYL**. Semua Ejen adalah diingatkan bahawa Ejen terikat dengan terma dan syarat di bawah Buku Panduan ini dan mana-mana dokumen atau polisi tambahan yang dikeluarkan oleh **EEYL** dan kegagalan untuk mematuhi boleh mengakibatkan penamatan pelantikan dan sekiranya perlu, tindakan undang-undang terhadap Ejen.

2) TAKRIF

Di dalam Buku Panduan ini, di mana konteksnya membenarkan, ungkapan-ungkapan tersebut akan membawa erti seperti yang dinyatakan di bawah ini:-

"**Buku Panduan**" merujuk kepada Buku Panduan Ejen ini.

"**Ejen**" merujuk kepada Ejen yang dilantik oleh EEYL sebagai wakil EEYL dalam transaksi belian balik emas.

"**Hibah Al Masyrutoh**" merujuk kepada pemberian ganjaran bersyarat di mana EEYL (*wahib*) menawarkan ganjaran, bonus, insentif atau hadiah (*hibah*) kepada Ejen (*mawhub lahu*) dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Ejen mesti memenuhi syarat-syarat tersebut untuk kelayakan hibah itu menjadi sah dan lengkap. Jika syarat-syarat tidak dipenuhi, hibah tersebut boleh dianggap terbatal.

"**Pihak EEYL atau EEYL**" merujuk kepada syarikat **Empayar Emas YL Sdn Bhd.**

"**Wakalah**" merujuk kepada suatu perjanjian di mana satu pihak (**muwakkil**) memberi kebenaran kepada pihak yang lain sebagai ejennya (**wakil**) untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan yang telah dinyatakan di dalam Buku Panduan ini dengan bayaran komisen.

"**Wadi'ah Yad Amanah**" merujuk kepada Wadi'ah yad amanah merujuk kepada satu kontrak di mana Ejen menyerahkan emas kepada EEYL untuk disimpan dengan selamat. EEYL dianggap sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab menjaga emas tersebut, tetapi tidak mempunyai hak untuk menggunakan atau mengambil manfaat daripadanya kecuali dengan kebenaran Ejen. Emas yang disimpan mesti dikembalikan kepada Ejen apabila diminta.

"**Wadi'ah Yad Dhamanah**" merujuk kepada satu bentuk qard hasil pertukaran kontrak wadiah kepada qard. Ia berlaku apabila Ejen memberi izin kepada EEYL untuk menggunakan emas milik ejen yang dalam simpanannya emas dengan jaminan bahawa penyimpan akan berhak mendapat kembali emas yang disimpannya serta pihak yang EEYL akan sentiasa bertanggungjawab menggantikannya sekiranya hilang atau rosak apabila telah digunakan.

3) PENDAFTARAN SEBAGAI EJEN

Ejen bertindak bagi pihak EEYL melalui konsep **Wakalah bil-Ujrah**, yang berasaskan kepercayaan di mana pihak EEYL melantik Ejen untuk menguruskan tugas-tugas yang dibenarkan sebagaimana **Klausula 6**, dengan balasan insentif dan komisyen sebagaimana **Klausula 5**. Bagi menjadi Ejen EEYL yang sah, individu tersebut mestilah:

- (a) membuat akaun bersama EEYL serta pembayaran untuk pendaftaran di platform dan/atau sistem yang disediakan oleh EEYL;
- (b) mengisi butiran yang diperlukan, bersetuju dan menerima terma dan syarat untuk lantikan sebagai Ejen di platform dan/atau sistem yang disediakan oleh EEYL;
- (c) mematuhi syarat-syarat kelayakan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh EEYL;
- (d) melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan mengikut prinsip-prinsip Syariah; dan
- (e) memahami bahawa kadar ujah adalah berdasarkan formula yang dipaparkan di laman web EEYL dan wujud perubahan berdasarkan tarikh tertentu.

Pendaftaran adalah tertakluk kepada hak mutlak dan budi bicara EEYL. Ejen yang didapati melanggar syarat-syarat Buku Panduan, mana-mana perjanjian bersama EEYL atau prinsip-prinsip Syariah boleh dikenakan tindakan termasuk penamatan pelantikan sebagai Ejen.

4) JENIS-JENIS STATUS DAN KELAYAKAN EJEN

No.	Status Ejen	Kelayakan
1	GLE	Rujuk kepada kelayakan di dalam Lampiran B .
2	SEST	Rujuk kepada kelayakan di dalam Lampiran B .
3	EST	Rujuk kepada kelayakan di dalam Lampiran B .
4	ST	Rujuk kepada kelayakan di dalam Lampiran B .
5	Penabung	Rujuk kepada kelayakan di dalam Lampiran B .

Nota: EEYL berhak untuk menarik balik status Ejen jika terdapat sebarang pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan oleh EEYL. Pengembalian semula status Ejen adalah tertakluk kepada budi bicara penuh EEYL.

5) INSENTIF DAN KADAR BAYARAN KOMISEN

i. Struktur, Kadar dan Terma Bayaran Komisen

Struktur dan kadar bayaran komisen kepada Ejen adalah berlandaskan prinsip **Hibah Al-Masyrutoh** di mana EEYL (*wahib*) menawarkan ganjaran, bonus, insentif atau hadiah (hibah) kepada Ejen (*mawhub lahu*) dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Ejen mesti memenuhi syarat-syarat tersebut untuk kelayakan hibah itu menjadi sah dan lengkap. Jika syarat-syarat tidak dipenuhi, hibah tersebut boleh dianggap terbatal.

Komisen yang ditawarkan merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, insentif individu (*personal incentive*), pulangan tunai (*cashback*) dan Empire Asset. Pembayaran komisen akan dilaksanakan dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari selepas semua transaksi berkaitan diselesaikan dan disahkan secara rasmi oleh Pihak EEYL.

Komisen akan dibayar melalui kaedah pemindahan wang ke akaun bank yang telah didaftarkan oleh Ejen dengan EEYL. Ejen bertanggungjawab memastikan bahawa butiran akaun bank yang diberikan kepada EEYL adalah betul dan tepat. EEYL tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kesilapan pembayaran akibat daripada maklumat akaun bank yang tidak tepat.

Ejen hendaklah memastikan bahawa semua transaksi dijalankan mengikut peraturan dan panduan yang telah ditetapkan oleh EEYL bagi memastikan kelayakan komisen. Segala kelayakan untuk menerima komisen adalah berdasarkan prestasi dan pematuhan Ejen kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sebarang pelanggaran terhadap terma dan syarat EEYL boleh menyebabkan penangguhan atau pembatalan pembayaran komisen.

ii. Carta dan Ilustrasi Struktur Komisen

Carta dan Ilustrasi struktur komisen untuk Ejen dilampirkan di **Lampiran A** Buku Panduan ini.

iii. Perubahan Terma dan Syarat

Sebarang perubahan terhadap terma-terma dan syarat-syarat yang berkaitan dengan aturan komisen mesti dimaklumkan kepada Ejen secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum berkuatkuasa. EEYL hendaklah memberikan notis yang jelas dan terperinci mengenai perubahan tersebut, termasuk alasan perubahan dan kesannya terhadap struktur komisen yang sedia ada.

6) TUGAS DAN ATURAN PERKHIDMATAN YANG DIBENARKAN SEBAGAI EJEN EEYL

i. ATURAN BELIAN BALIK EMAS DARIPADA PENJUAL DENGAN MODAL DARIPADA EEYL

(a) Emas bullion yang disahkan ketulenan:

- EEYL akan membuat bayaran penuh kepada Penjual atau melalui Ejen (mana yang berkenaan) untuk dibayar kepada Penjual secara lani (*on the spot basis*). Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya pembayaran dilakukan melalui Ejen, Ejen bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyerahkan dan/atau memberi pembayaran tersebut kepada Penjual.
- Ejen menjadi wakil bagi EEYL bagi tujuan untuk penerimaan emas (*taqabudh*) secara lani (*on the spot*) dan menguruskan penghantaran kepada EEYL.
- Selepas penerimaan Emas daripada Penjual, Ejen bertanggungjawab untuk menyerahkan emas berkenaan kepada EEYL untuk tujuan pengesahan ketulenan dan berat.

(b) Emas bullion yang belum disahkan ketulenan dan berat:

- Ejen perlu menghantar emas yang diterima daripada Penjual dengan lampiran maklumat ketulenan dan berat yang dipersetujui kepada EEYL untuk tujuan pengesahan ketulenan dan berat.
- Ejen menyerahkan emas kepada EEYL untuk disimpan dengan selamat melalui wadi'ah yad amanah.
- EEYL akan membayar deposit sekuriti (*hamish jiddiyah*) kepada Penjual atau melalui Ejen (mana yang berkenaan) sebagai komitmen untuk membeli emas pada masa hadapan sekiranya ketulenan emas tersebut menepati spesifikasi yang dipersetujui.
- Selepas pengesahan dilakukan, EEYL akan membeli emas berkenaan secara serta merta (lani) dengan memindahkan baki jumlah harga belian kepada Penjual atau melalui Ejen. Deposit sekuriti yang telah dibayar akan dianggap sebahagian daripada harga belian.

Perbezaan Ketulenan [terpakai bagi perkara (a) dan (b)]

- Perbezaan ketulenan selepas pengesahan akan menyebabkan perbezaan pada harga jualan yang dipersetujui antara EEYL dan Penjual dan ini melayakkan kedua-dua pihak kepada *khiyar al-ayb* (pilihan kecacatan).
- Sekiranya didapati bahawa ketulenan emas yang disahkan melebihi daripada ketulenan yang dipersetujui, maka EEYL atau EEYL melalui Ejen perlu untuk membayar Baki Harga Jualan kepada Penjual melalui pengiraan berikut:

$$\text{Baki Harga Jualan} = [\text{Harga Jualan Asal} - \text{Harga Jualan Selepas Pengesahan}]$$

- Walaubagaimanapun, sekiranya didapati bahawa ketulenan emas yang disahkan kurang daripada ketulenan yang dipersetujui, maka Pihak EEYL atau Ejen perlu untuk melakukan proses rundingan dengan Penjual sama ada:
 - membatalkan transaksi dengan Penjual memulangkan semula bayaran sekuriti deposit yang telah dibayar kepada EEYL; atau
 - meneruskan transaksi dengan Penjual membayar Baki Harga Jualan dengan harga yang bertepatan dengan ketulenan yang disahkan melalui pengiraan berikut:

$$\text{Baki Harga Jualan} = [\text{Harga Jualan Selepas Pengesahan} - \text{Harga Jualan Asal}]$$

(c) Belian Balik Surat Gadaian daripada syarikat ar-Rahnu/Pajak Gadai:

- Bagi transaksi yang melibatkan pelanggan yang mempunyai cagaran emas di syarikat ar-Rahnu berdaftar (Islamik dan/atau Konvensional), EEYL perlu melakukan pembayaran bagi belian balik Surat Gadaian kepada syarikat ar-Rahnu atau Pajak Gadai secara serta merta sama ada secara tunai atau secara pindahan secara atas talian di mana pegawai ar-Rahnu atau Pajak Gadai perlu berada dalam majlis aqad yang sama.
- Ejen perlu menyelesaikan bayaran baki kepada pelanggan sekiranya pembayaran harga belian adalah melalui Ejen.

ii. ATURAN BELIAN BALIK EMAS OLEH EEYL DARIPADA EJEN

EEYL menawarkan pembelian emas secara langsung daripada Ejen dimana Ejen secara peribadi membeli emas scrap/ bullion atau barangan kemas daripada mana-mana penjual yang dikenalpasti secara tunai.

- (a) Ejen akan menghantar emas berkenaan kepada EEYL untuk proses timbangan dan pengesahan ketulenan.
- (b) Pembelian emas tersebut adalah tertakluk kepada persetujuan EEYL dan EEYL berhak untuk menolak pembelian.
- (c) Pembelian emas tersebut akan terbahagi kepada dua keadaan iaitu belian balik terhadap barangan kemas dan belian balik terhadap emas scrap atau bullion.

Belian Balik Emas Scrap/ Bullion

- (d) Sekiranya emas scrap atau bullion, Ejen dalam hal ini akan:
 - (i) menjual dan menerima bayaran secara tunai (*outright sales*) pada satu majlis aqad secara fizikal berpandukan harga rujukan di laman web EEYL sekiranya emas bertepatan dengan ketulenan yang ditetapkan; atau
 - (ii) sekiranya emas belum disahkan ketulenan, Ejen akan meletakkan emas berkenaan di bawah jagaan EEYL melalui akad wadi`ah yad amanah di mana emas tersebut akan disimpan dan dijaga dengan selamat oleh EEYL tertakluk kepada aturan (iii) Belian Secara Wadi`ah .
 - (iii) selepas pengesahan dilakukan, EEYL akan membeli emas tersebut secara serta merta (lani) sama ada melalui pembayaran tunai atau secara pindahan dalam talian.

Belian Balik Barangan Kemas

- (e) Sekiranya emas berkenaan adalah barangan kemas, Pihak EEYL dibenarkan untuk melakukan pembayaran untuk pembelian emas tersebut secara bertanggung dalam tempoh yang dipersetujui bersama. Namun begitu, pembayaran secara lani adalah lebih baik atau tidak lebih dari 24 jam.

iii. BELIAN BALIK EMAS SECARA WADI`AH

- (a) Wadi`ah yad amanah merujuk kepada satu kontrak atau perjanjian di mana Ejen menyerahkan emas kepada EEYL untuk disimpan dengan selamat.
- (b) EEYL dianggap sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab menjaga emas tersebut, tetapi tidak mempunyai hak untuk menggunakan atau mengambil manfaat daripadanya kecuali dengan kebenaran Ejen.
- (c) Emas yang disimpan mesti dikembalikan kepada Ejen apabila diminta.
- (d) EEYL tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan tersebut kecuali dalam hal ta`addi (tingkah laku yang tidak wajar), taqsir (kecuaian), atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang ditetapkan) yang mewajibkan EEYL untuk menggantikan emas yang hilang dengan berat dan ketulenan yang sama.
- (e) Belian Emas secara Wadi`ah boleh disertai atau tidak disertai dengan bayaran sekuriti deposit (hamish jiddiyah).
- (f) Walaubagaimanapun, Ejen hendaklah pada setiap masa mengakui bahawa bayaran hamish jiddiyah adalah mewakili janji EEYL untuk membeli emas pada masa hadapan dan bukan bermaksud jualan secara serta merta atau lani.
- (g) Sekuriti deposit (hamish jiddiyah) yang telah dibayar oleh EEYL hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada harga belian emas dan akan ditolak daripada jumlah harga belian emas keseluruhan apabila transaksi pembelian berlaku.

iv. KUNCI HARGA (LOCK PRICE)

- (a) Pihak EEYL membenarkan pihak Ejen untuk mengunci harga belian emas dalam tempoh 5 hari.
- (b) Proses kunci harga merupakan akujanji Ejen untuk menjual emas pada suatu harga yang ditetapkan pada masa akan datang. Transaksi kunci harga akan dijalankan melalui platform di laman web EEYL.
- (c) Kunci harga ini adalah berdasarkan konsep *wa`d* dari pihak Ejen kepada EEYL dan ia adalah bersifat *mulzim* (tidak dibatalkan) sepanjang tempoh 5 hari tersebut.

Pembatalan Kunci Harga

- (d) Sepanjang tempoh kunci harga, Ejen tidak dibenarkan untuk membatalkan transaksi kunci harga kecuali pembatalan dilakukan sebelum 5.30PM (cut-off time) pada hari yang sama kunci harga dilakukan.
- (e) Dalam hal ini, EEYL atas budi bicaranya membenarkan pembatalan pada hari yang sama sebelum 5.30PM tanpa sebarang ganti rugi.
- (f) Walaubagaimanapun, Ejen tidak dibenarkan membatalkan transaksi kunci harga selepas 5.30PM (*cut-off time*) sehingga hari ke-5. Maka, dalam hal ini, Ejen perlu untuk menjual pada harga yang dikunci atau EEYL membenarkan pembatalan dengan ganti rugi dengan pengiraan berikut:

Ganti Rugi = perbezaan pergerakan harga yang telah dikunci dan harga pembelian baharu (mana yang lebih rendah)

- (g) Sekiranya tempoh kunci harga itu melebihi tempoh 5 hari, maka Ejen tidak lagi dibenarkan untuk meneruskan proses jualan dan perjanjian *wa`d* akan terbatal.

7) TANGGUNGJAWAB EJEN

Tanggungjawab Ejen terhadap EEYL adalah seperti berikut: -

- (a) patuh kepada semua terma dan syarat di bawah Buku Panduan ini atau mana-mana dokumen tambahan seperti polisi dan peraturan yang disediakan oleh Pihak EEYL atau perjanjian bersama EEYL;
- (b) memastikan bahawa semua dokumen untuk transaksi pembelian emas yang berkaitan adalah lengkap dan sah (*sekiranya ada*);
- (c) menanggung sepenuhnya tanggungjawab atas sebarang kerosakan, kehilangan, atau kelewatan dalam penghantaran emas kepada EEYL, termasuk situasi di mana penghantaran dilakukan melalui pihak ketiga, seperti syarikat pengangkutan, di mana Ejen bertanggungjawab untuk memastikan bahawa barang dihantar dengan selamat dan dalam keadaan baik. Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan semasa proses penghantaran, Ejen wajib menanggung kerugian tersebut dan memastikan bahawa Pihak EEYL tidak terjejas secara kewangan susulan kejadian tersebut;
- (d) membayar baki jumlah harga belian kepada pelanggan sekiranya jumlah tersebut telah dipindahkan oleh Pihak EEYL ke akaun Ejen;
- (e) mengindemniti Pihak EEYL daripada sebarang tuntutan, kerugian, atau kerosakan yang mungkin timbul akibat kecuaiian, pengabaian, atau kegagalan Ejen dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap mana-mana pihak dan akan menanggung sepenuhnya segala kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan tuntutan tersebut dan memastikan bahawa Pihak EEYL tidak dibebankan dengan sebarang liabiliti yang berkaitan;
- (f) bertanggungjawab untuk menjalankan proses pengasingan yang mudah, termasuk mencabut dan mengasingkan sebarang benda asing yang terikat pada barangan kemas sebelum proses timbangan dijalankan;

- (g) bertanggungjawab untuk membuat pengesahan ketulenan dan timbangan barangan kemas secara sendiri atau melalui pengesahan di mana-mana syarikat ar-Rahnu yang berdekatan;
- (h) mengembalikan baki jumlah jualan kepada pelanggan selepas proses pengesahan sekiranya ketulenan emas didapati melebihi jangkaan yang telah dipersetujui;
- (i) melakukan proses rundingan semula dengan pelanggan sama ada untuk membatalkan transaksi dengan memulangkan semula bayaran yang telah dibuat, atau meneruskan transaksi dengan pelanggan membayar baki harga jualan yang diperlukan sekiranya ketulenan emas didapati kurang daripada jangkaan yang telah dipersetujui;
- (j) memastikan bahawa semua transaksi yang dijalankan adalah dengan penuh integriti, ketelusan, dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah; dan
- (k) sekiranya diminta oleh Pihak EEYL, untuk menyediakan laporan berkala mengenai status transaksi. Laporan tersebut hendaklah mengandungi maklumat yang tepat dan lengkap berhubung dengan proses pembelian semula emas, termasuk sebarang isu yang timbul sepanjang pelaksanaan transaksi.

8) TANGGUNGJAWAB PIHAK EEYL

Tanggungjawab Pihak Syarikat terhadap Ejen adalah seperti berikut: -

- (a) membuat pembayaran kepada Ejen mengikut kadar komisen yang telah dipersetujui tertakluk kepada tempoh masa yang ditetapkan dan melalui kaedah pembayaran pemindahan dalam talian ke akaun bank Ejen;
- (b) memberikan bantuan yang bersesuaian kepada Ejen sekiranya diperlukan bagi memastikan kelancaran proses transaksi dan untuk memenuhi tanggungjawab Ejen seperti yang termaktub dalam Buku Panduan ini; dan
- (c) memastikan bahawa semua proses pengurusan dan kawalan kualiti yang berkaitan dengan belian balik emas dilaksanakan mengikut prosedur yang betul dan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.

9) KOD ETIKA DAN TATACARA EJEN EEYL

- (a) Ejen perlulah berurus niaga secara tidak tamak dalam penetapan harga.
- (b) Ejen perlulah mengamalkan sikap dan nilai ehsan dalam urus niaga.
- (c) Ejen perlulah mengutamakan keselamatan diri semasa mengaturkan temu janji, melaksanakan tugas, melaksanakan penyerahan atau pengeposan barang serta pemasaran di media sosial atau secara luar talian.
- (d) Ejen perlulah menjaga hubungan baik dengan Pihak EEYL, rakan perniagaan atasan atau bawahan serta rakan sekerja. Ejen tidak dibenarkan menyebarkan sebarang perkara yang tidak betul atau tidak sah atau boleh menimbulkan ketidakselesaan kepada orang lain.

- (e) Ejen perlulah sentiasa menjaga nama baik Pihak EEYL sepanjang tempoh menjadi ejen sah EEYL dan akur dengan SOP dan Kod Etika Ejen yang telah ditetapkan oleh Pihak EEYL.

10) AKHLAK EJEN EEYL

- (a) Beriman dan beramal dengan penuh ketaatan kepada Allah SWT untuk menjadi usahawan yang berjaya di dunia dan akhirat.
- (b) Sentiasa bermuhasabah diri untuk memperbaiki nilai tambah diri ke arah yang lebih baik.
- (c) Menjaga batas pergaulan dan hubungan antara Ejen.
- (d) Sentiasa menambah ilmu pengetahuan terutama dalam bidang belian balik dan apa jua ilmu berkaitan emas.
- (e) Berusaha sedaya upaya meningkatkan prestasi diri dan ahli pasukan di bawah.
- (f) Menghubungi Pihak EEYL jika mempunyai sebarang permasalahan atau kesulitan.

11) BENTUK SALAH LAKU EJEN

- (a) **Aktiviti Bertentangan dengan Polisi EEYL**
Ejen tidak boleh terlibat dalam sebarang aktiviti yang bertentangan dengan polisi syarikat EEYL.
- (b) **Tohmahan dan Kritikan Negatif**
Ejen dilarang untuk membuat sebarang tohmahan atau kritikan negatif yang boleh memburukkan nama EEYL secara langsung atau tidak langsung di media sosial atau platform lain.
- (c) **Promosi Produk Pesaing**
Tidak dibenarkan mempromosikan produk pesaing di platform seperti WhatsApp, Telegram, atau mana-mana media sosial atau platform komunikasi.
- (d) **Penyalahgunaan Logo dan Jenama**
Tidak boleh menggunakan logo, nama jenama, atau cap dagangan tanpa kebenaran bertulis daripada EEYL
- (e) **Promosi Tidak Wajar**
Mengelak daripada menggunakan teknik promosi yang tidak sihat yang bersifat menjatuh, mengkritik dan/atau memperkecil pesaing atau menggunakan insentif kewangan secara terbuka untuk meraih jualan.
- (f) **Kerjasama dengan Syarikat Pesaing**
Ejen dilarang terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pesaing atau memujuk Ejen lain untuk menghadiri acara pesaing.
- (g) **Penipuan Pelanggan**
Tidak boleh menipu pelanggan berkaitan harga, kuantiti, atau kualiti produk, serta dilarang mengiklankan insentif kewangan secara eksplisit dalam mana-mana platform seperti media sosial atau platform komunikasi yang lain.

- (h) **Kerosakan Produk**
Tidak boleh terlibat dalam proses yang boleh menyebabkan kerosakan pada emas, seperti penyaduran atau *electroplating* emas.
- (i) **Aktiviti Haram dan Penipuan Kewangan**
Ejen tidak boleh terlibat dalam perubahan wang haram, penipuan kewangan, atau skim cepat kaya.
- (j) **Pengambilan Deposit Haram**
Pengambilan deposit secara tidak sah atau penyalahgunaan dana pelanggan untuk keuntungan peribadi adalah dilarang.
- (k) **Penipuan dalam Memperkenalkan Ejen**
Mengggunakan taktik yang menipu atau tidak adil untuk memperkenalkan bakal ejen adalah satu salah laku yang serius.

Nota: Senarai salah laku di atas adalah bersifat “*non-exhaustive*” dan Pihak EEYL berhak untuk menambah salah laku lain yang difikirkan sesuai oleh Pihak EEYL dari semasa ke semasa, melalui pemakluman dalam tempoh 7 hari bekerja sebelum berkuatkuasa.

12) KEGAGALAN MEMATUHI BUKU PANDUAN ATAU POLISI/TERMA YANG DITETAPKAN OLEH EEYL

Sekiranya Ejen gagal memenuhi syarat dan polisi yang ditetapkan oleh Pihak EEYL di bawah Buku Panduan ini dan mana-mana dokumen tambahan yang berkaitan dengan Buku Panduan ini, Ejen akan dikenakan tindakan sebagaimana berikut: -

- (a) Ejen boleh ditamatkan perkhidmatan dan lantikan oleh Pihak EEYL dengan notis bertulis;
- (b) Ejen tidak lagi berhak menikmati faedah daripada komisen, insentif, *downlines* atau sebarang manfaat lain sebagai Ejen;
- (c) Ejen tidak lagi mempunyai kuasa untuk menjual produk EEYL, dan status Ejen akan ditamatkan; dan
- (d) sekiranya pelanggaran Ejen adalah kesalahan berat dan/atau serius (contohnya, melibatkan perkara jenayah atau reputasi EEYL), Pihak EEYL boleh mengenakan tindakan undang-undang terhadap Ejen.

13) PROSEDUR NOTIS KETIDAKPATUHAN DAN PENAMATAN EJEN

Sekiranya Ejen gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak EEYL, prosedur berikut akan dijalankan:

- (a) **Notis Amaran:** Pihak EEYL akan mengeluarkan notis bertulis kepada Ejen yang didapati melanggar mana-mana polisi atau peraturan. Notis ini akan menyatakan butiran pelanggaran dan tempoh masa yang diberikan kepada Ejen untuk memperbaiki kesalahan tersebut.
- (b) **Pemerhatian dan Pemantauan:** Sekiranya Ejen gagal mematuhi dalam tempoh masa yang diberikan, Pihak EEYL berhak untuk memantau prestasi dan pematuhan Ejen secara lebih teliti, termasuk menyiasat sebarang pelanggaran yang berlaku.

- (c) **Tindakan Penggantungan Sementara:** Sekiranya Ejen gagal mematuhi notis amaran, Pihak EEYL boleh mengambil tindakan untuk menggantung sementara tugas Ejen tanpa sebarang pembayaran komisen, sehingga siasatan lanjut selesai atau Ejen mematuhi syarat yang ditetapkan.
- (d) **Notis Penamatan:** Sekiranya Ejen terus gagal mematuhi terma atau didapati melakukan pelanggaran serius (contohnya, penipuan, salah laku yang mencemarkan reputasi EEYL, atau pelanggaran undang-undang), Pihak EEYL berhak untuk menamatkan pelantikan Ejen secara serta-merta dengan mengeluarkan notis penamatan bertulis. Ejen yang ditamatkan tidak layak untuk menerima sebarang komisen tertunggak atau manfaat lain.
- (e) **Tindakan Undang-Undang:** Sekiranya pelanggaran tersebut melibatkan kesalahan jenayah atau menyebabkan kerugian kepada EEYL, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Ejen, termasuk tetapi tidak terhad kepada tuntutan ganti rugi.

14) POLISI PRIVASI DAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Polisi Privasi ini terpakai kepada semua Ejen dan pelanggan yang menggunakan platform EEYL bagi urusan transaksi jual beli emas serta perkhidmatan lain yang ditawarkan. Polisi ini menggariskan cara EEYL mengendalikan data peribadi serta tanggungjawab Ejen dalam pemprosesan data peribadi pelanggan selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA)**.

Pengumpulan dan Penggunaan Data Peribadi oleh EEYL

(a) Data Peribadi yang Dikumpul

EEYL akan mengumpul data peribadi daripada Ejen dan pelanggan (jika berkenaan) hanya untuk tujuan sah, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- urusan pelantikan dan pentadbiran Ejen;
- pengurusan transaksi jual beli emas atau belian balik emas; dan
- pendaftaran akaun di platform EEYL.

Data yang dikumpulkan mungkin termasuk nama, alamat, nombor kad pengenalan, maklumat akaun bank, dan butiran transaksi.

(b) Penggunaan dan Pemprosesan Data

Data peribadi yang dikumpulkan akan digunakan untuk tujuan berikut:

- pengurusan pelantikan dan pentadbiran Ejen;
- pembayaran komisen dan promosi insentif;
- pemprosesan pembayaran; dan
- pemenuhan kewajipan undang-undang.

Data peribadi ini hanya akan digunakan untuk tujuan yang dinyatakan dan akan dilindungi mengikut standard keselamatan yang tinggi.

Rekod CCTV di Premis EEYL

EEYL menggunakan rakaman CCTV di premisnya untuk tujuan keselamatan dan pemantauan. Semua rakaman CCTV akan disimpan dengan penuh kerahsiaan dan hanya akan digunakan untuk tujuan keselamatan. Rakaman ini tidak akan dikongsi kepada pihak ketiga kecuali jika diminta oleh pihak berkuasa yang sah.

Pautan ke Laman Web Pihak Ketiga

Laman web atau platform EEYL mungkin mengandungi pautan ke laman web pihak ketiga. EEYL tidak bertanggungjawab ke atas dasar privasi atau kandungan laman web tersebut. Sebarang perkongsian data peribadi yang berlaku selepas pengguna mengklik pautan ke laman web lain adalah di luar kawalan EEYL.

Keselamatan Data

EEYL akan mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya bagi melindungi data peribadi daripada akses yang tidak dibenarkan dan/atau kehilangan, kebocoran, atau kerosakan data.

Hak Akses dan Pembedulan

Ejen mempunyai hak untuk mengakses, mengemaskini, atau membetulkan maklumat peribadi mereka pada bila-bila masa dengan menghubungi EEYL. Sebarang permintaan untuk akses atau pembedulan akan diproses dalam tempoh yang munasabah.

Pendedahan Data Peribadi kepada Pihak Ketiga

EEYL tidak akan mendedahkan data peribadi kepada pihak ketiga tanpa persetujuan kecuali di bawah peruntukan undang-undang atau atas permintaan pihak berkuasa yang sah. Sekiranya EEYL perlu berkongsi data dengan penyedia perkhidmatan yang terlibat dalam operasi perniagaan.

Tanggungjawab Ejen dalam Pengurusan Data Peribadi Pelanggan

Sebagai sebahagian daripada Polisi Privasi ini, Ejen EEYL juga bertanggungjawab untuk mematuhi PDPA dalam semua interaksi mereka yang melibatkan data peribadi pelanggan. Ini termasuk perkara berikut:

Kerahsiaan dan Pengurusan Data Peribadi Pelanggan

- (a) Pengumpulan Data Pelanggan
Ejen mesti mengumpul data peribadi pelanggan hanya untuk tujuan yang sah, iaitu transaksi yang berkaitan dengan urusan perniagaan Ejen dan EEYL.
- (b) Kerahsiaan Data Pelanggan
Ejen tidak boleh menggunakan, memproses, atau mendedahkan maklumat peribadi pelanggan tanpa kebenaran mereka, kecuali untuk tujuan yang berkaitan dengan transaksi yang sah.

Pengurusan dan Penyimpanan Data

Ejen perlu memastikan bahawa semua data peribadi pelanggan disimpan dengan selamat dan hanya digunakan untuk tujuan yang dibenarkan. Sebarang akses yang tidak dibenarkan, kebocoran, atau kehilangan data perlu dilaporkan dengan segera kepada pihak EEYL.

Pematuhan Terhadap PDPA

Ejen bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sebarang data peribadi yang dikendalikan oleh mereka diproses selaras dengan PDPA. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan PDPA boleh mengakibatkan tindakan disiplin oleh EEYL dan tindakan undang-undang.

Pindaan Polisi Privasi

Polisi Privasi ini mungkin dikemaskini dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui platform EEYL, dan pengguna dinasihatkan untuk menyemak polisi ini secara berkala.

15) KEWAJIPAN KERAHSIAAN

(a) Kerahsiaan Maklumat Perniagaan

Ejen diwajibkan untuk menyimpan segala maklumat yang berkaitan dengan urusan perniagaan EEYL sebagai sulit dan tidak boleh mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis daripada EEYL. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, maklumat kewangan, strategi perniagaan, dan data pelanggan.

(b) Penggunaan Maklumat Sulit

Ejen hanya dibenarkan menggunakan maklumat sulit yang diperoleh semasa pelantikan untuk tujuan yang sah dan berkaitan dengan pelaksanaan tugas sebagai Ejen bagi EEYL. Sebarang penggunaan maklumat sulit di luar skop tugas adalah dilarang.

(c) Maklumat Pelanggan

Ejen hendaklah memastikan bahawa semua maklumat pelanggan yang diperoleh sepanjang transaksi diuruskan dengan penuh kerahsiaan. Sebarang pendedahan, penjualan, atau pemindahan maklumat pelanggan tanpa persetujuan EEYL dan pelanggan adalah pelanggaran serius yang boleh membawa kepada tindakan disiplin dan undang-undang.

(d) Tempoh Kerahsiaan

Kewajipan kerahsiaan ini berterusan walaupun selepas tempoh pelantikan Ejen tamat. Ejen diwajibkan untuk tidak menggunakan, mendedahkan, atau menyebarkan maklumat sulit yang diperoleh semasa pelantikan selepas perkhidmatan berakhir.

(e) Pelanggaran Kerahsiaan

Sekiranya terdapat pelanggaran terhadap kewajipan kerahsiaan ini, EEYL berhak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan pelantikan serta tindakan undang-undang.

LAMPIRAN A
(Carta dan Ilustrasi Struktur Komisen)

No	Status Ejen	Insentif MyEmas		
		Pulangan Tunai	Insentif Individu	Empire Asset
1	GLE	RM 0.50/g	RM 1.00/g	RM 0.20/g
2	SEST	RM 0.50/g	RM 0.70/g	RM 0.20/g
3	EST	RM 0.50/g	RM 0.50/g	RM 0.20/g
4	ST	RM 0.50/g	X	X
5	Penabung	X	X	X

No	Status Ejen	Insentif Buyback		
		Pulangan Tunai	Insentif Individu	Empire Asset
1	GLE	X	RM 0.80/g	RM 0.02/g
2	SEST	X	RM 0.60/g	RM 0.02/g
3	EST	X	RM 0.40/g	RM 0.02/g
4	ST	X	X	X
5	Penabung	X	X	X


No	Status Ejen	Insentif Shop		
		Pulangan Tunai	Insentif Individu	Empire Asset
1	GLE	RM 5.00/g	RM 3.50/g	RM 0.20/g
2	SEST	RM 5.00/g	RM 2.50/g	RM 0.20/g
3	EST	RM 5.00/g	RM 1.50/g	RM 0.20/g
4	ST	RM 5.00/g	X	X
5	Penabung	X	X	X

BUYBACK

	CASHBACK	PERSONAL INSENTIVE	EMPIRE ASSET
GLE	✗	RM 0.80/g	RM 0.02/g
SEST	✗	RM 0.40/g	RM 0.02/g
EST	✗	RM 0.40/g	RM 0.02/g
ST	✗	✗	✗
PENABUNG	✗	✗	✗

Setiap pembelian EST, SEST, GLE, individu tersebut dapat Personal Incentive & Cash back

Apabila downline buat sale EST, SEST, GLE akan dapat Empire Asset




MYEMAS

	CASHBACK	PERSONAL INSENTIVE	EMPIRE ASSET
GLE	RM 0.50/g	RM 1.00/g	RM 0.20/g
SEST	RM 0.50/g	RM 0.70/g	RM 0.20/g
EST	RM 0.50/g	RM 0.50/g	RM 0.20/g
ST	RM 0.50/g	✗	✗
PENABUNG	✗	✗	✗

Setiap pembelian EST, SEST, GLE, individu tersebut dapat Personal Incentive & Cash back

Apabila downline buat sale EST, SEST, GLE akan dapat Empire Asset




SHOP

	CASHBACK	PERSONAL INCENTIVE	EMPIRE ASSET
GLE	RM 5.00/g	RM 3.50/g	RM 0.20/g
SEST	RM 5.00/g	RM2.50/g	RM 0.20/g
EST	RM 5.00/g	RM 1.50/g	RM 0.20/g
ST	RM 5.00/g	×	×
PENABUNG	×	×	×

Setiap pembelian EST, SEST, GLE, individu tersebut dapat Personal Incentive & Cash back

Apabila downline buat sale EST, SEST, GLE akan dapat Empire Asset



LAMPIRAN B (Kelayakan Ejen)

How to upgrade your level

How to upgrade your level



Step Up One Game

SUPPORT TEAM TO EXCLUSIVE SUPPORT TEAM

Support Team perlu mencapai jumlah gram 2.5kg dalam tempoh masa 6 bulan

Support Team perlu rekrut seramai 100 orang penabung dalam tempoh 6 bulan

Support Team hendaklah konsisten dalam mempromosikan nama dan produk Empayar Emas YL Sdn. Bhd. dimana-mana platform secara online dan offline.

Setiap Support Team yang ditawarkan untuk menjadi Exclusive Support Team wajib untuk menghadiri program yang disediakan oleh pihak HQ

Setiap Support Team perlu menabung, sekurang-kurangnya 5 dirham pada setiap bulan secara konsisten sepanjang 6 bulan.

EXCLUSIVE SUPPORT TEAM TO SENIOR EXCLUSIVE SUPPORT TEAM

Exclusive Support Team perlu mencapai jumlah gram 1kg setiap bulan, bagi mana-mana 3 bulan dalam tempoh 6 bulan

Exclusive Support Team perlu rekrut 50 Support Team baharu dan 300 penabung (berkumpulan) dalam tempoh 6 bulan.

Exclusive Support Team hendaklah konsisten dalam mempromosikan nama dan produk Empayar Emas YL Sdn. Bhd. dimana-mana platform secara online dan offline.

Exclusive Support Team perlu memberi kerjasama kepada Senior Exclusive Support Team dan Gold Leader Empire masing-masing

Setiap Exclusive Support Team yang ditawarkan menjadi Senior Exclusive Support Team wajib untuk menghadiri program yang disediakan oleh pihak HQ

Setiap Exclusive Support Team tidak boleh melanggar memorandum yang ditetapkan oleh pihak HQ

Setiap Exclusive Support Team perlu menabung, sekurang-kurangnya 10 dirham pada setiap bulan secara konsisten sepanjang 6 bulan.

SENIOR EXCLUSIVE SUPPORT TEAM TO GOLD LEADER EMPIRE

Jumlah gram berkumpulan perlu mencapai sekurang-kurangnya 10kg setiap bulan, bagi mana-mana 3 bulan dalam tempoh 6 bulan

Senior Exclusive Support Team perlu melepasi modul yang ditetapkan oleh pihak HQ

Senior Exclusive Support Team perlu membina sekurang-kurangnya 3 orang Exclusive Support Team yang mencapai 1kg setiap bulan, bagi mana-mana 3 bulan dalam tempoh 6 bulan

Setiap Senior Exclusive Support Team perlu mempunyai mental dan emosi yang stabil serta berjaya besar dalam membimbing squad masing-masing

Memberi kerjasama dan komitmen yang baik kepada HQ dalam apa sahaja amanah yang diberikan

Bersedia memberi bimbingan dan latihan kepada squad mengikut keperluan masing-masing.

Setiap Senior Exclusive Support Team perlu konsisten dalam mempromosikan nama dan produk Empayar Emas YL Sdn. Bhd. dimana-mana platform online ataupun offline

Setiap Senior Exclusive Support Team wajib untuk menghadiri program yang disediakan oleh pihak HQ

Setiap Senior Exclusive Support Team perlu menabung sekurang-kurangnya 12 dirham pada setiap bulan secara konsisten